

28/07/1999

PNB kutip pelaburan RM30 bilion

KOTA KINABALU, Selasa - Permodalan Nasional Bhd (PNB) setakat ini berjaya mengumpul pelaburan berjumlah RM30 bilion membabitkan tujuh juta akaun simpanan.

Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata daripada jumlah itu 5.03 juta pelabur melabur dalam skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM25.113 bilion.

Manakala RM2.4 bilion dilaburkan oleh 1.295 juta pelabur dalam skim Amanah Sabah Nasional (ASN) dan RM1.8 bilion lagi dilabur oleh 847,000 pelabur dalam skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW2020).

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis Pelancaran ASN2 peringkat negeri Sabah, di Kota Kinabalu semalam. Pelancaran itu dilakukan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam.

Hadir sama Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Musa Aman dan Pembantu Menteri Kewangan, Datuk Karim Bujang.

Ahmad Sarji berkata PNB melabur dalam 314 syarikat gergasi dalam pelbagai sektor termasuk kewangan, perbankan, pengangkutan, perladangan dan perkhidmatan, antaranya termasuk 60 peratus pemilikan ekuiti saham dalam Pos Malaysia Bhd.

Mengenai ASN2, beliau berkata pelabur di Sabah menduduki tempat keempat dengan jumlah pelaburan RM4.3 juta daripada 354 pelabur dengan pelaburan purata RM12,124 berbanding purata peringkat nasional RM8,596.

Negeri paling banyak melabur ialah Selangor, diikuti Wilayah Persekutuan dan Johor.

Setakat ini, katanya, seramai 10,000 pelabur melabur dalam skim ASN2 dengan jumlah pelaburan RM84 juta sejak ia dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 9 Jun lalu.

(END)